



16 Oktober 2024
16 October 2024
P.U. (A) 298

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN (PENANGGUNG INSURANS MARIN,
PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN)
(PINDAAN JADUAL) 2024

*FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION
AND TRANSIT INSURERS) (AMENDMENT OF SCHEDULE)
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENANGGUNG INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) (PINDAAN JADUAL) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 260(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) (Pindaan Jadual) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 29 November 2022.

Penggantian Jadual

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017 [*P.U. (A) 111/2017*] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL

NEGARA-NEGARA YANG DITETAPKAN

1. Negara-Negara Anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) yang ditubuhkan oleh Deklarasi Bangkok yang ditandatangani di Bangkok, Thailand pada 8 Ogos 1967 yang merupakan penandatanganan kepada Protokol Bagi Melaksanakan Pakej Ketujuh Komitmen Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Perkhidmatan ASEAN bertarikh 23 Jun 2016

2. Negara Pejanji kepada Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik yang ditandatangani pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile”.

Dibuat 11 Oktober 2024

[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURERS)
(AMENDMENT OF SCHEDULE) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 260(2) of the Financial Services Act 2013 [*Act 758*], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Financial Services (Approved Marine, Aviation and Transit Insurers) (Amendment of Schedule) Regulations 2024**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 29 November 2022.

Substitution of Schedule

2. The Financial Services (Approved Marine, Aviation and Transit Insurers) Regulations 2017 [*P.U. (A) 111/2017*] are amended by substituting for the Schedule the following schedule:

“SCHEDULE

DESIGNATED COUNTRIES

1. Member States of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) established by the Bangkok Declarations signed in Bangkok, Thailand on 8 August 1967 which are signatories to the Protocol to Implement the Seventh Package of Commitments on Financial Services under the ASEAN Framework Agreement on Services dated 23 June 2016

2. Contracting States to the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership signed on 8 March 2018 in Santiago, Chile”.

Made 11 October 2024

[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II